

# Bersama komited banteras aedes

Lebih 200 terlibat bergotong-royong sempena Program Semburan Aerosol

**BANTING** - Lebih 200 peserta terlibat gotong-royong sempena pelancaran Program Semburan Aerosol yang dianjurkan Politeknik Banting.

Program yang turut mendapat kerjasama pelbagai pihak termasuk syarikat korporat Mynic, Majlis Belia Daerah Kuala Langat dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 16, Majlis Daerah Kuala Langat itu,

memberi peluang kepada mereka mewujudkan satu persekitaran sihat di mana peserta berpeluang membersihkan kawasan taman, surau serta kuli di kawasan persekitaran.

Selain itu, peserta yang terdiri daripada pelajar politeknik itu sendiri, belia, ahli-ahli kawasan rukun tetangga serta penduduk setempat dilihat berjaya mewujudkan suasana cakna dalam meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan Aedes selain memupuk semangat kerjasama dalam satu pasukan.

Hadir sama, Pengarah Urusan Mynic, Syed Musa Al Kadzrim Syed Musib Albar, Pengerusi MBD Kuala Langat, Hafez Shuriddin dan Ahli Majlis Zon 16, MDKL, Shafie Harun.



Sebahagian peserta mengutip sampah di sepanjang perumahan Taman Banting Baru.



Pemeriksaan pembiakan jentik-jentik turut dilakukan.



Kawasan tempat mengambil wuduk dalam kawasan surau turut dilakukan gotong-royong.



Peserta lelaki meluangkan masa membersihkan kipas syiling sebuah surau.



Taklimat sebelum gotong-royong dijalankan.



Aktiviti mengemas turut dijalankan.



Program Tanggungjawab Sosial Korporat yang dihadiri oleh pelbagai pihak di sekitar Banting Baru.